

CIRI-CIRI DAN IMPLIKASI SYARIAT: SUATU SOROTAN UMUM

Abdul Monir Yaacob*

Abstract

Thus is a perception that shariah law is rigid and static and therefore could not meet the needs of modern time and changing situation. Therefore, the article will discuss not in detail. The concept and principles that make shariah law flexible and accommodative and suitable to all time and situation and above all to all people. The article also deals with the main characteristic of shariah law and secular law. The scope and jurisdiction of both laws describing the objective of makasid of the shariah including the meaning of daruriyyat or necessity, hajiyyat or needs and tahsinyyat. The role of ijtihad in developing Islamic jurispundence.

PENDAHULUAN

Ilmu dalam Islam berpunca daripada wahyu dan dikembangkan melalui akal. Melalui akal manusia dapat memahami pelbagai perkara termasuk wahyu. Namun adakalanya manusia tidak menerima wahyu sebagai asas kepada ilmu. Maka berlakulah perbezaan fungsi ilmu. Dalam al-Qur'an terdapat banyak ayat yang menyebut golongan manusia yang tidak mahu memahami dan enggan berfikir. Antaranya ayat yang bermaksud:

"Dan sesungguhnya kami menjadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah) dan mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) yang yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat)."'

al-A'rāf: 179

* Profesor di Jabatan Syariah dan Undang-undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Wahyu diturunkan melalui Jibril dan dalam perundangan Islam, al-Qur'an dan Sunnah adalah sumber utama. Orang yang beriman tidak boleh mengingkari dua sumber ini. Di dalam al-Qur'an, Allah menyatakan yang bermaksud;

"Wahai orang-orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan kepada ulul-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat"

(al-Nisā': 59)

Ayat tersebut jelas memerintahkan kita supaya menerima al-Quran dan Sunnah sebagai asas penyelesaian dalam kehidupan.

Syariat Islam mempunyai ciri-ciri yang bersifat *rabbāniyyah* dan *dīniyyah*, berbeza dengan undang-undang ciptaan manusia yang bersifat duniai semata-mata. Ruang lingkup atau bidang kuasa undang-undang ciptaan manusia terbatas, lebih bersifat lahiriah dan tidak dihubungkaitkan dengan dosa pahala yang ada kaitannya dengan pembalasan di akhirat. Berbeza dengan syariat Islam yang bersifat duniai dan *ukhrawī*, berhubung kait dengan kepercayaan dan keimanan, hukuman atau balasan di dunia dan akhirat. Persoalan bagi syariat Islam adalah "penguatkuasaan" duniai oleh pemerintah, bukan kerana syariat Islam itu tidak lengkap atau terdapat kelemahan. Kelemahan itu terdapat pada diri manusia itu sendiri dalam melaksanakannya pada zaman dan masa yang berubah dan keadaan tempat yang berlainan. Syariat Islam adalah syariat yang lengkap dan berperanan untuk memajukan umat manusia serta memimpin ke jalan kebenaran dan kebaikan, serta menghindar dari kerosakan dan kemudaratian. Memandu manusia ke jalan yang lurus dan kebenaran, seperti dalam firman Allah yang bermaksud:

"Kesudahannya Kami jadikan bagi engkau (wahai Muhammad) satu syariat (yang lengkap) dari hukum-hukum agama, maka turutilah syariat itu."

(al-Jāthiyah: 18)

RUANG LINGKUP TUJUAN SYARIAT ISLAM

Dalam syariat Islam terdapat hukum-hukum yang ditetapkan sama ada berbentuk suruhan atau larangan, yang dihalalkan atau yang diharamkan. Hukum-hukum ini

disyariatkan mempunyai tujuan atau maksud dan hikmah *masyrū'iyyah*, bagaimanapun ada sebahagian hukum yang bersifat *ta'abbudī*. Hukum-hukum Islam tegak di atas dasar memelihara *maṣlahah* dan menolak *mafsadah* atau kemudaratannya.¹

Sesetengah ayat menjelaskan dengan nyata tujuan sesuatu perintah yang diwajibkan, seperti kewajipan menunaikan sembahyang dihuraikan dalam satu ayat yang bermaksud:

"Sesungguhnya sembahyang itu mencegah perbuatan keji dan mungkar"
(al-'Ankabūt: 45)

Dalam kewajipan membayar zakat dijelaskan tujuannya seperti maksud ayat berikut;

"Ambillah sedekah (zakat) dari harta mereka yang akan membersihkan dan mensucikan dengannya"

(al-Tawbah: 113)

Bagi menjamin *maṣlahah 'ibād* atau manusia, menjadi tujuan syariat memelihara hak-hak asasi yang dikategori sebagai *darūriyat* iaitu mencakupi perkara-perkara agama, jiwa, atau nyawa, keturunan dan kehormatan, harta benda dan akal fikiran. Ruang lingkup perkara-perkara yang dilindungi oleh syarak itu meliputi aspek akidah, syariah dan akhlak.

Pendekatan dalam memahami tiga perkara utama dalam Islam iaitu akidah, syariat dan akhlak adalah berbeza berbanding sistem perundangan hari ini. Bagi negara yang menjalankan sistem sekular tidak menjadikan aspek akidah dan akhlak sebagai urusan negara. Ia lebih bersifat personal atau urusan peribadi, yang dikaitkan dengan kebebasan. Negara sekular tidak memasukkan agama dalam urusan negara, bahkan telah mengeluarkan agama daripada pentadbiran negara dan adakalanya menghalang urusan agama dalam sistem pemerintahan dan boleh dianggap sebagai suatu kesalahan seperti yang pernah berlaku di Turki dan Perancis.

Bagi memelihara kepentingan hak-hak asasi tersebut maka diadakan peraturan yang memberi jaminan dan menghalang pencerobohan ke atas hak-hak manusia. Apabila hak-hak tersebut diganggu dan dicerobohi maka hukuman ditetapkan. Dalam Islam jaminan tersebut datangnya daripada Allah SWT. Dengan itu hukum-hukum ke atas pencerobohan ditetapkan seperti dalam hukum hudud. Tujuan ditetapkan hukum hudud semata-mata untuk memelihara dan menjamin kesejahteraan dan *maṣlahah* umat

¹ Yusuf al-Qaradhawi (1998), *Panduan Memahami Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu, , h. 71

manusia. Kehidupan manusia pasti tidak tenteram dan terjamin jika perkara-perkara yang dilindungi oleh syarak itu diabaikan dan tidak ditegakkan. Manusia akan terdedah kepada ancaman dan penganiayaan.

Terdapat perkara-perkara yang dipelihara dan diberi jaminan oleh syarak dikanunkan dalam perundangan di dunia pada masa ini. Perlembagaan negara membuat peruntukan mengenai hak asasi manusia iaitu dalam bahagian kedua perlembagaan Persekutuan. Hukuman boleh dijatuhkan ke atas orang yang menceroboh hak asasi manusia yang lain. Ini diperuntukkan dalam Kanun Kesiksaan seperti kesalahan-kesalahan berikut;

Kesalahan-kesalahan Syariah di bawah Kanun Keseksaan¹

Bab VI	Kesalahan terhadap negara	Bughah
S.302-304A	Kesalahan mematikan orang dan menyebabkan kematian	Qatl
S.323-338	Kecederaan	Kecederaan
S.376	Rogol	Zina
S.377	Kesalahan dengan binatang	Ittiyah al-bahimah
S.377A	Persetubuhan luar tabii	Liwat-Musahaqah
S.379-382	Curi	Curi
S.392-402	Rompak	Hibarah

Terdapat juga Akta Dadah Berbahaya yang menghukum kesalahan *syurb* mengenai dadah berbahaya.

Perlembagaan negara memberi jaminan Kebebasan Asasi. Antaranya iaitu Perkara 6, kebebasan dari keabdian, Perkara 8, kesamarataan di sisi undang-undang, Perkara 10, kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan, Perkara 11, kebebasan beragama dan perkara 13, hak terhadap harta.

Tiada sesiapa boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan daripadanya kecuali menurut undang-undang.³ Semuanya adalah sama rata di sisi undang-undang dan boleh mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.⁴ Tidak boleh ada perbezaan terhadap rakyat semata-mata oleh sebab agama, kaum, keturunan, tempat lahir dan jantina. Walau bagaimanapun hak-hak tersebut tidaklah mutlak.

² Ahmad Muhamad Ibrahim (1997), *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM, hlm. 496.

³ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 5(1).

⁴ Perkara 8(1).

Perkara-perkara yang dilindungi oleh Perlembagaan negara sebenarnya adalah perkara yang sama dilindungi oleh syariat Islam kerana syariat Islam menegakkan keadilan dan kesaksamaan.

Tujuan utama syarak adalah melindungi kesejahteraan dan maṣlaḥah manusia serta menghalang daripada berlakunya *fasād* atau kezaliman dan ini dilindungi oleh undang-undang. Undang-undang melindungi nyawa manusia, harta benda, kehormatan dan akal. Justeru itu, membunuh, memperkosa, menyalahguna dadah adalah kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum. Perbezaan berlaku pada penjenisan kesalahan dan hukuman. Islam seterusnya memberi jaminan kepada agama. Pencerobohan ke atas hak-hak tersebut ditetapkan oleh nas-nas al-Quran dan Sunah.

Menurut al-Syatibi, kemaslahatan dunia dan agama itu tegak atas pemeliharaan “*darūriyyāt*” yang disebut di atas tadi. Bermaksud, tegaknya kewujudan dunia ini atas *darūriyyāt* itu sehingga jika ia tidak dijamin, maka tidak ada dalam dunia ini kewujudan. Islam memperkenalkan hukuman hadd atau bunuh kepada orang yang murtad untuk memelihara agama. Dikenakan hukuman qisas bagi memelihara nyawa atau jiwa. Disyariatkan hukuman *hadd* zina bagi memelihara kemurnian keturunan. Hukuman *hadd* ke atas peminum arak bagi memelihara kewarasan akal. Disyariatkan *hadd* potong tangan bagi menjamin pemilikan harta dan *hadd qadhaf* bagi memelihara harga diri pertuduhan yang keji.⁵ Maka masalah maṣlaḥah yang berkaitan dengan hajiyiyat adalah melengkapi perkara-perkara yang daruriyyat dengan segala kepayahan dan kesusahan menjadi hilang dalam mendapat dan mempertahankannya.

Hājiyyāt adalah sesuatu yang diperlukan dalam rangka menghilangkan kesempitan yang secara lumrah mendatangkan kepayahan dan menimbulkan kesusahan. Bagaimanapun kesusahan tersebut tidak sampai ke tingkat kebinasaan. Begitu juga perkara-perkara *taḥsiniyyāt* adalah pelengkap kepada *hājiyyāt*, seperti *hājiyyāt* itu pelengkap kepada *darūriyyāt*. *Taḥsīniyyāt* ialah mengambil hal-hal yang baik dalam adat kebiasaan dan meninggalkan hal-hal yang buruk, yakni akal memandangnya sebagai suatu yang tidak baik. Hal-hal yang baik itu terhimpun dalam bahagian akhlak yang mulia.⁶

⁵ Yusuf al-Qaradhawi, *op. cit.*, hlm. 76 & 92.

⁶ *Ibid.*, 76 – 77.

CIRI-CIRI UTAMA

Selain daripada perkara yang telah diperjelaskan, dalam syariat Islam terdapat beberapa ciri yang menjadikannya praktikal dalam semua keadaan dan suasana. Antaranya bersifat mudah (*yusrun*), anjal (*muriñah*) dan sederhana (*wasātiyyah*). Hukum pada asalnya adalah ‘*azīmah*’ iaitu hukum asal bagi sesuatu tuntutan. Dalam keadaan yang tertentu perlaksanaannya dilonggarkan iaitu ‘*rukhsah*’. Dari segi aplikasi hukum ada hukum yang telah ditetapkan secara *qat’ī* dan tidak menerima perubahan iaitu *thabāt*. Perubahan tidak berlaku pada hukum asal, bagaimanapun boleh berubah dalam perlaksanaannya. Ini berlaku apabila ada halangan atau perubahan keadaan. Ini meletakkan syariat Islam itu tidak ketat dan beku, atau mengongkong dan berat bagi umatnya. Islam memberi kemudahan dalam setiap perkara yang disyariatkan.

Terdapat banyak nas dari al-Quran dan Sunah yang menunjukkan Islam itu tidak susah akan tetapi ada kemudahan dan kelonggaran seperti berikut :

- i. “Allah menghendaki bagimu kemudahan dan tidak menghendaki bagimu kesulitan.”⁷
- ii. “Dan Ia tidak menjadikan bagimu dalam agama suatu kesusahan”.⁸
- iii. “Allah berkehendak untuk meringankan kamu”.⁹

Dalam sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Nabi menjelaskan mengenai dasar hukum kepada Muaz bin Jabal yang bermaksud:

“Baginda bertanya kepada kepada Muaz, ‘Bagaimana kami menghukum apabila memutuskan perkara?’ Jawab Mu‘ādh, ‘Saya akan menghukum mengikut kitab Allah (al-Qur'an)’. Rasulullah bertanya lagi, ‘Apa kamu lakukan jika tidak mendapatkan jawapan daripadanya?’. Jawab Mu‘ādh, ‘Saya akan mengikut Sunnah Nabi’. Nabi bertanya lagi, Jika masih tidak dapat jawapan dalamnya?’ Jawab Mu‘ādh, ‘Saya akan berijtihad’.¹⁰

(Riwayat Abū Daud)

Hadis tersebut meletakkan satu tatacara apabila hendak memutuskan sesuatu perkara yang tiada ketetapan sebelumnya, hendaklah berpandukan al-Quran dan Sunnah

⁷ al-Baqarah: 185.

⁸ al-Hajj: 78.

⁹ al-Nisā’, 28.

¹⁰ Abū Daud Sulaymān (1990), *Sunan Abi Daud*, j. 1. Juz, 3. Kitab al-Uqdiyah Bab Ijtihad al-Ra'y Fi al-Qada'. Dar al-Fikr. h.162.

Rasulullah SAW. Sekiranya masih tidak mendapat jawapan, hendaklah berijtihad.¹¹ Prinsip ini diamalkan dan dilaksanakan dan menjadi kaedah dalam semua *madrasah fiqh Islami* sejak zaman sahabat sampai masa kini. Penjelasan dan huraian berbeza dalam aplikasi ijtihad.

Bagi aplikasi ijtihad, kita akan menemui beberapa prinsip atau kaedah seperti *qiyās*, *istihsān*, *qawl ṣahabat*, *maṣāliḥ mursalah*, *sadd al-dharā'i* dan seumpamanya. Supaya Islam itu sesuai dengan setiap tempat, dan masa hukum-hukum dikembangkan berpandukan *maqasid al-syariah* dan *siyāsah syar'iyyah*. Keunggulan syariat Islam akan lebih nyata apabila berlaku kesepaduan aplikasi prinsip dan kaedah dalam memelihara *maqāṣid al-syarī'ah* dan *siyāsah syar'iyyah*.

Dalam al-Qur'an Allah SWT ada berfirman yang bermaksud :

"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan kehendakmu) di dunia".

(al-Qaṣas: 77)

Ayat tersebut memberi maksud supaya manusia berusaha mencari harta kekayaan yang telah dilimpahi oleh Allah SWT. Itu dengan mengerjakan amal kebaikan yang mendatangkan pahala dan membawa keselamatan dan kebahagiaan pada hari akhirat kelak. Dalam pada itu jangan pula melupakan kebahagiaan di dunia untuk merasai kesenangan yang halal sebelum dapat menikmati kesenangan yang kekal di akhirat.¹²

Menurut Sheikh al-Azhar Dr. Muḥammad Syed Tanṭawī, inilah antara ciri-ciri kesederhanaan, toleransi dan pertengahan yang paling tinggi kerana syariat Islam tidak melarang kita dari menuntut keduniaan, malahan syariat Islam menyarankan kepada kita supaya bekerja bersungguh-sungguh. Cuma hendaklah ditujukan kata-kata dan amalan kita kerana Allah. Oleh itu kesederhanaan Islam menggariskan bahawa syariat Islam menyeru kita untuk menjadi hartawan, berilmu, kuat dan mempunyai segala macam keperluan dan kemudahan hidup di dunia dan hendaklah digunakan segala nikmat untuk ketaatan kepada Allah dan keredaan-Nya.¹³

¹¹ Sehingga ke peringkat awal pemerintahan kerajaan 'Abasiyyah persoalan mengenai siapa yang layak untuk mengeluarkan pendapat mengenai hukum tidak timbul. Bahkan tidak dipersoalkan siapa di kalangan ulama yang layak mengeluarkan pandangan mengenai hukum. Schacht J. *An Introduction to Islamic Law*, London: Oxford University Press, 1964, hh. 69 – 70.

¹² *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, h. 1024.

¹³ Muhammad Sayyed Tantawi (1999), *Islam Itu Mudah dan Sederhana*. Kuala Lumpur: JAKIM, h. 5

Seterusnya beliau menjelaskan, kehidupan ini perlu diisi dengan pembangunan dan apa jua kegiatan yang boleh membawa kebaikan kepada umat dengan syarat tidak menjejaskan ketaatan kepada Allah, termasuk penguasaan dalam bidang ilmu pengetahuan agama dan professional seperti perubatan, kejuruteraan, perakaunan, ekonomi dan sebagainya. Ia bertujuan supaya manusia mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Yang dimaksudkan dengan pembangunan seperti yang dituntut oleh Surah Hud ayat 61 – “*serta menghendaki kamu memakmurkannya*” – ialah membangunkan muka bumi dengan pelbagai bentuk kemajuan dan kemakmuran. Bersesuaian dengan Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Sekiranya berlaku kiamat dan di tangan salah seorang dari kamu ada benih kurma, maka hendaklah ditanamkannya.”*¹⁴

Jelas bahawa Nabi menggalakkan umatnya supaya tidak mengabaikan usaha-usaha memakmurkan bumi ini. Oleh itu jadikanlah diri kita sebagai orang yang membangunkan dunia bukan meruntuhkannya, melakukan pemberian bukan kemusnahan, membina bukan merosakkan, menyatupadukan bukan memecahbelahkan dan berilmu bukan jahil.¹⁵

Dalam sebuah Hadis ada menceritakan tentang tiga orang sahabat datang menemui isteri-isteri Rasulullah SAW untuk bertanyakan tentang ibadat Baginda. Salah seorang daripadanya berkata:

*“Aku beribadat sepanjang malam tanpa tidur”. Berkata yang kedua: “Aku pula berpuasa sepanjang tahun tanpa berbuka”. Berkata pula yang ketiga: “Aku mengasingkan diri daripada wanita dan tidak berkahwin” Perkara ini telah sampai kepengetahuan Rasulullah dan Baginda mengatakan kepada mereka: “Akulah yang paling bertakwa dan takut kepada Allah, tetapi aku berpuasa dan berbuka, aku sembahyang dan tidur dan aku berkahwin. Sesiapa yang tidak sukaan Sunnahku maka ia bukan golonganku”.*¹⁶

Dengan ini dapatlah difahami bahawa syariat Islam adalah syariat yang bersifat sederhana dan saksama. Ia tidak melarang orang Islam dari menikmati dunia, malah

¹⁴ Musnad Ahmad Ḥanbal, Juz.2, Kitab Iḥyā al-Mawat, Faṣal al-Zar’u wa al-Gharsu, h.128.

¹⁵ Ibid. hlm. 7 –8.

¹⁶ Ṣahīḥ Muslim, juz.9, Kitāb al-Nikāh, Bab Istiḥbāb al-Nikāh, h.175-176.

ia mengarahkan supaya menikmati anugerah Allah bagi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.

Sebahagian besar nas mengandungi prinsip hukum bersifat *kulli* dan umum, tidak bersifat *juz'iy* dan terperinci, kecuali dalam perkara-perkara yang sifatnya *thabat* dan kekal seperti perkara yang berkaitan dengan ibadat, perkahwinan, perwarisan, *qisas*, *hudud* dan *kafarah*. Adapun dalam masalah selain daripada itu perlaksanaannya boleh berubah sesuai dengan perubahan masa dan tempat. Ia bersifat *murunah* atau anjal supaya tidak mengikat dan menyempitkan umat manusia dalam perlaksanaannya. Dalam satu kaedah fiqh dinyatakan “*Sesuatu perkara apabila menyempit (mendesak) akan meluas (berkembang)*.” Dalam kaedah lain dinyatakan pula: “*Kesukaran mendatangkan kesenangan*,”

Dengan adanya asas ini menafikan sesetengah pandangan dan anggapan yang mengatakan bahawa syariat Islam yang bersumberkan wahyu itu tidak menerima penyelesaian mengikut perubahan suasana dan keadaan – hanya dengar dan taat. Antara alasan yang diberikan adalah maksud ayat berikut:

“Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidak harus mereka), mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka”.

(al-‘Ankabūt: 36)

Pernyataan yang mereka ketengahkan itu benar dari segi ia sebagai syariat *rabbani*, tetapi natijahnya tidak benar, kerana ini akan memberi erti bahawa ajaran Islam itu menyulitkan kehidupan manusia di dunia dan menyempitkan dalam beragama. Ini akan menjadikan syariat itu lemah dan tidak mampu menjawab cabaran zaman, sedangkan Allah menurunkan ajaran-Nya sebagai syariat yang sempurna, penuh rahmat dan kasih sayang, mudah dan praktikal. Ia dapat memenuhi keperluan perubahan zaman dan berkemampuan menghadapi pelbagai perkembangan semasa sehingga dapat memenuhi kemaslahatan umat manusia.

Pada syariat Islam terdapat ciri *thabāt* (tetap) dan *murūnah* (anjal):

1. *Thabāt* dalam matlamat dan tujuan, anjal dalam pendekatan dan cara.
2. *Thabāt* dalam dasar-dasar ajaran dan prinsip yang bersifat menyeluruh, anjal dalam *furu'* dan perkara-perkara bersifat *juz'ī*.

3. *Thabat* dalam nilai-nilai akhlak, anjal dalam masalah-masalah yang berkaitan dengan dunia dan ilmu.

Dengan sifat *murunah* dan *thabat* itulah Islam menjadi relevan dengan sifat kehidupan umat manusia. Ia dikatakan relevan dengan kehidupan umat manusia kerana sememangnya kehidupan manusia itu sendiri mengandungi unsur ‘tetap’ dan unsur ‘anjal’ yang menerima perubahan.¹⁷

Islam menegakkan nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi lagi luhur merentasi perbezaan status individu dalam masyarakat. Antara nilai-nilai tersebut iaitu, keadilan (*al-‘adālah*), tolong menolong, kemerdekaan (*hurriyyah*), kemuliaan (*karāmah*), amanah dan bertanggungjawab.

Nilai-nilai tersebut didasarkan kepada nas-nas al-Qur'an dan Sunnah Nabi. Amat banyak sekali dalil yang memerintahkan kita untuk menegakkan nilai-nilai tersebut. Keadilan yang dituntut oleh Islam meliputi seluruh manusia seperti yang dinaskan dalam firman Allah yang bermaksud:

“Dan apabila kamu menjalankan hukuman di antara manusia (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil”.

(al-Nisā’: 58)

Maksud keadilan juga dijelaskan dalam perkataan *al-qist* yang membawa erti yang sama seperti dalam firman Allah yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan”.

(al-Nisā’: 135)

Keadilan tidak terbatas kepada menegakkan keadilan dalam mahkamah semata-mata, bahkan meliputi keadilan pendidikan, sosial, ekonomi, politik dan hubungan antarabangsa, termasuk ke atas kaum minoriti dan bukan Islam. Oleh sebab Islam melarang permusuhan dan kezaliman, maka Islam menyeru kepada perdamaian dan kesaksamaan.

Orang bukan Islam yang hidup bersama dalam sebuah negara, mempunyai kepentingan hidup yang sama dan mungkin juga mempunyai kewarganegaraan yang sama. Maka

¹⁷ Muhammad Sayyed Tantawi, *op.cit.*, hh. 303 – 304.

syariat Islam menjelaskan kepada kita tentang kumpulan ini bahawa kita dan mereka mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama. Setiap manusia itu mempunyai akidahnya yang tersendiri dan akidah itu tidaklah dijual beli. Paksaan untuk mengubah kepercayaan dan akidah tidak akan melahirkan orang-orang Mukmin yang sejati, sebaliknya melahirkan orang-orang yang munafik dan pendusta. Ia tidak boleh dipaksa.¹⁸ Sebab itulah al-Qur'an telah menegaskan maksud ini berulang-ulang kali:

"Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur)".

(al-Baqarah: 256)

Setiap insan berhak berpegang dengan akidahnya dan Allah jua yang akan mengambil kira dan menghukum manusia terhadap akidah masing-masing. Itulah yang dikatakan toleransi. Islam tidak memaksa seseorang supaya menukar akidahnya. Akidah tidak dibentuk atas paksaan.

Kemulian manusia berlaku semasa ia hidup dan setelah ia meninggal dunia. Bahkan dalam semua suasana, aman dan dalam perang. Dalam perang terdapat Hadis Nabi yang berpesan kepada tentera supaya tidak membunuh orang tua, kanak-kanak dan kaum perempuan, serta hendaklah berbuat baik dan ihsan. Khalifah Abu Bakar ada berpesan kepada penglima perang, katanya;

"Engkau akan dapati sekelompok kaum yang menganggap diri mereka sebagai pendeta, maka biarkanlah mereka beribadat. Sesungguhnya aku wasiatkan kepada kamu sepuluh perkara; janganlah kamu membunuh perempuan, anak-anak dan orang tua. Janganlah kamu menebang pohon yang berbuah. Jangan meruntuhkan bangunan, menyembelih kambing mahupun unta kecuali sekadar untuk dimakan. Dan jangan kamu membakar dan merosakkan pohon-pohon kurma, serta janganlah kamu berbuat zalm".

Jelas bahawa yang dipelihara bukan setakat manusia akan tetapi meliputi keperluan asasi manusia iaitu sumber makanan dan tempat tinggal. Ia membuktikan Islam memelihara kemuliaan insan sehingga dalam tempoh perang sekalipun ia di beri jaminan.

¹⁸ Muhammad Sayyed Tantawi, *op.cit*, h. 15.

Setiap orang daripada kita adalah pemimpin. Ungkapan pemimpin ini terdapat dalam sebuah Hadis yang menyatakan bahawa setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap pemimpin itu dipertanggungjawabkan kepada rakyatnya.

Amanah dan bertanggungjawab adalah sifat yang ada pada para Rasul. Kita dapat cerita nabi-nabi seperti Nabi Musa sebagai nabi yang “*qawiy*” dan *amīn*” iaitu kuat dan amanah. Cerita Nabi Daud “*Hafizun ‘Alīm*”, Nabi Muhammad yang bersifat amanah dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugasnya, sanggup menghadapi segala cabaran dan halangan. Contoh teladan yang ditunjukkan oleh Baginda diikuti oleh khalifah-khalifah selepas Baginda.

Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang menyuruh berlaku amanah dan bertanggungjawab antaranya bermaksud;

1. “*Hai orang yang beriman penuhilah akad-akad itu.*”¹⁹
2. *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya*”.²⁰

Khalifah ‘Umar dalam melaksanakan tugasnya sebagai khalifah seringkali mendapat maklumat tentang hal-ehwal rakyat jelata melalui tinjauannya sendiri. Begitu juga cerita Khalifah ‘Umar bin Abdul Aziz yang begitu bersikap berhati-hati dengan tidak menggunakan harta negara bagi kepentingan dirinya.

Dalam urusan negara, pemerintah mentadbir negara bagi tujuan *maṣlahah* ummah atau rakyat. Ini bersesuaian dengan kaedah fiqh yang menyatakan *tasarruf* atau tindakan Imam atau pemerintah terhadap rakyat mengikut *maṣlahah*.²² Adalah menjadi tanggungjawab pemerintah menggubal undang-undang dari semasa ke semasa dalam perkara yang tidak ada nas, sebab nas-nas al-Qur'an ada yang berbentuk *kulliyah*. Oleh yang demikian diserahkan kepada pihak pemerintah untuk menyusun dan mengaturkannya dengan sempurna dalam bentuk undang-undang, akan tetapi janganlah terkeluar daripada prinsip dan garis-garis kasar yang telah ditetapkan dan cara perlaksanaannya hendaklah benar-benar teliti mengikut semangat dan roh syariat Islam.²²

¹⁹ al-Mā'idah: 1

²⁰ al-Nisā': 58.

²¹ Hassan Salleh(1979) *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Kuala Lumpur: DBP, h. 139

²² *Ibid.* hh.. 142 – 143.

Apabila pemerintah mengurus dan mentadbirnya dan tindakan yang diambil adalah pada pendapatnya ada *maṣlaḥah* itu adalah siasah. Apabila siasah yang dilaksanakan tidak bertentangan dengan syariah, iaitu sesuai dengan roh syariah, maka ia mengamalkan prinsip *siyāsah syar'iyyah*. Secara ringkas, *siyāsah syar'iyyah* adalah “*al-'amal bi al-maṣaliḥ*”. Mengikut Abdul Wahāb Khallāf, *siyāsah syar'iyyah* ialah mentadbir negara dengan menjamin maṣlaḥah ditegakkan dan menolak kemudaratian dengan tidak melampaui batas-batas syarak dan prinsip-prinsip amnya walaupun tidak sekata dengan pendapat imam-imam *mujtahidīn*. Yang dimaksudkan dengan urusan negara ialah keseluruhan sistem meliputi sistem kewangan, perundangan, kehakiman, pentadbiran dan perhubungan antarabangsa.²³

Ulama mengaitkan *siyāsah syar'iyyah* dengan *murunah* atau keanjalan. *Siyāsah syar'iyyah* juga digunakan bagi memberi kuasa budi bicara atau kebebasan membuat ketetapan dalam sesuatu perkara kepada pemerintah dan hakim. Sesiapa yang mempunyai ilmu yang membolehkannya menguasai maksud syariat dan meletakkannya pada tempatnya dan mempunyai kefahaman yang baik mengenainya maka ia tidak memerlukan siasah selain daripada *siyāsah syar'iyyah*.

Terdapat banyak nas daripada al-Qur'an dan Sunnah serta *āthār* sahabat dan tabiin mengenai kehujahan bahawa hukum-hukum Allah mempunyai kaitan dengan *maṣlaḥah*. Mengikut Imam al-Ghazali, *maṣlaḥah* adalah bertujuan menjaga objektif-objektif syarak iaitu memelihara makasid syarak yang lima iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta²⁴ termasuk kehormatan. Ulama Islam sependapat menyatakan hukum-hukum syarak adalah bertujuan untuk melaksana dan mencapai *maṣlaḥah* bagi manusia, menjamin kebajikan orang ramai dan menghindarkan sebarang kemudaratian atau *mafsadah*. Apa-apa *maṣlaḥah* yang keluar daripada prinsip-prinsip kebaikan kepada kejahanan, dari manfaat kepada mudarat, dari *maṣlaḥah* kepada *mafsadah* adalah bercanggah dengan syariat²⁵ kerana maṣlaḥah bertujuan kebaikan untuk manusia. Dalil-dalil daripada al-Qur'an, Sunah dan *āthār* sahabat yang boleh menjelaskan secara khusus istilah *siyāsah syar'iyyah* tidak ada pada zaman Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun dari segi amalan ia berlaku kerana pentadbiran negara adalah bagi *maṣlaḥah* ummah. Ia meliputi segala aspek termasuk politik, ketenteraan, ekonomi, kebudayaan, kemasyarakatan, hubungan antarabangsa dan sebagainya.²⁶

²³ Abdul Wahab Khallaf (1977) *al-Siyāsah al-Syari'yyah*. Qāhirah: Dār al-Anṣār, h. 18.

²⁴ Yūsuf Ḥāmid al-'Ālim (1991), *al-Maqāṣid al-'Ammah Li al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*. 111T, USA, h.134.

²⁵ Ibid, h.136.

²⁶ Jamilah Abdul Kadir Saaban (2004), *al-Siyāsah al-Syari'yyah*. Amman: Dar al-Furqan, hlm. 104.

Pensyariatan hukum yang terkandung dalam al-Qur'an kebanyakannya berasaskan kepada *maṣlaḥah*. Hukum-hukum hudud ditetapkan bagi menjaga *maṣlaḥah* manusia. Begitu juga dengan ketetapan golongan yang menerima zakat. Dalam aspek perlaksanaan juga tidak beku atau statik, keanjalan berlaku dalam perlaksanaan. Keanjalan dalam aspek perlaksanaan adalah sebahagian daripada *siyāsah syar'iyyah*. Sebagai contoh khalifah 'Umar tidak memberi zakat kepada golongan *al-mu'allafah qulūbuhum*' kerana pemerintahan telah teguh. Begitu juga dalam keadaan tertentu tidak melaksanakan hukum hudud.

Tiada nas Hadis khusus mensyariatkan *siyāsah syar'iyyah*. Bagaimanapun amalan Baginda Rasulullah SAW membuktikan Baginda beramal dengannya, sama ada dalam perkara yang dinaskan dalam aspek perlaksanaan atau yang tiada nas mengenainya.²⁷ Antara contoh yang diberikan iaitu tentang Hadis Nabi menyatakan boleh dipenjarakan orang yang ditorahmah. Begitu juga dengan Hadis Nabi kepada Mu'ādh yang membolehkannya berijtihad dan *siyāsah syar'iyyah* adalah ijtihad dalam perkara yang tiada nas dan dalam perkara yang tiada nas dari aspek perlaksanaannya.²⁸

Amalan yang dilakukan oleh sahabat seperti usaha mengumpulkan al-Quran oleh Khalifah Abu Bakar, perintah menceraikan isteri Sa'ad bin Abī Waqqāṣ oleh Khalifah 'Umar dan usaha mengumpulkan *maṣḥaf* dalam satu dan membakar *maṣḥaf-maṣḥaf* yang lain oleh Khalifah 'Uthmān, adalah sebahagian daripada contoh-contoh *siyāsah syar'iyyah* dalam zaman sahabat.

PENUTUP

Islam membawa ajaran yang memberi rahmat kepada sekalian alam. Ia ialah jalan yang lurus untuk kehidupan di dunia dan akhirat. Justeru itu, ajarannya syumul atau menyeluruh, memenuhi tuntutan manusia, baik material, fizikal, spiritual, rohani, mental dan akal. Yang dimaksudkan dengan keperluan hidup duniawi ialah yang meliputi aktiviti manusia dalam hubungan sesama individu, masyarakat dan negara. Kesemua yang menyentuh kemasalahatan manusia adalah menjadi tuntutan syarak, terpelihara oleh hukum-hukum yang terkandung dalam syariat.

²⁷ *Ibid.* hlm. 109.

²⁸ *Ibid.* hlm. 111.